



[Nasional](#)

Pengetua, guru besar dipilih berasas kecekapan

2013/09/09 - 17:56:55 PM [Cetak](#) [Emel](#) [Kawan](#)

[Tweet](#)

Bagi memastikan kepemimpinan berprestasi tinggi di sekolah, Kementerian Pendidikan mengubah kriteria memilih pengetua dan guru besar daripada pemilihan berasaskan tempoh perkhidmatan kepada pemilihan berfokus kepada kecekapan kepimpinan.

Bagi tujuan itu, mereka dikehendaki mendapatkan Sijil Kelayakan Profesional Kebangsaan bagi Kepimpinan Pendidikan (NPQEL) daripada Institut Aminuddin Baki sebelum boleh dilantik.

Ia bakal menyebabkan purata umur mereka menurun, sekali gus membolehkan mereka berkhidmat lebih lama.

Kementerian Pendidikan juga akan memperkenalkan proses perancangan penggantian yang mengenal pasti dan melatih individu berpotensi tinggi bagi memastikan ada kelompok calon bersedia untuk berkhidmat apabila dipanggil sejurus ada kekosongan jawatan.

Pengetua dan guru besar yang bakal dilantik juga akan mengikuti program pementoran selama sebulan di bawah bimbingan pengetua dan guru besar yang akan berpindah dan bersara.

Program mentor

Di bawah program mentor, mereka akan mengikuti satu tempoh bimbingan daripada pengetua dan guru besar atau Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartner+) daerah sejurus memulakan tugas. Peluang untuk mereka mengikuti program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) pula tidak terhenti pada tahun pertama perkhidmatan sebagai CPD menjadi sumber bagi membolehkan mereka memperbaharui tahap profesionalisme.

Dinilai setiap tahun

Mereka akan dinilai setiap tahun dengan menggunakan instrumen penilaian baru yang memberi penekanan kepada keupayaan kepimpinan dan peningkatan keberhasilan pelajar.

Di bawah pendekatan itu, pengetua dan guru besar berprestasi tinggi akan menikmati peluang kemajuan kerjaya lebih pantas, manakala pemberian insentif akan disemak semula bagi menggalakkan mereka yang berprestasi tinggi bertugas di luar bandar atau sekolah berprestasi rendah.

Bagi pengetua dan guru besar yang sukar mencapai standard minimum, mereka akan diberi bimbingan tambahan, manakala yang gagal mencapai tahap kualiti minimum yang sudah diberikan bimbingan tambahan akan ditugaskan semula ke jawatan guru di sekolah lain.